



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 15 APRIL 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BEKALAN MAKANAN, HASIL TANI CUKUP, NEWS, SELANGOR KINI -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11. 12. 13. 14. 15. 16. 17. 18. 19.	POLISAS TERIMA 300KG BUAH, SAYUR, LOKAL, HM -13 PERUNTUKAN RM2.3 JUTA BANTU PETANI, NELAYAN, UTUSAN SARAWAK -ONLINE KERAJAAN SARAWAK BANTU ATASI ISU LAMBAKAN HASIL PERTANIAN, PERIKANAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE JUJALAN TERUS DARI LADANG BANTU KURANGKAN LAMBAKAN HASIL PERTANIAN, TV SARAWAK -ONLINE SARAWAK BANTU PETANI, NELAYAN ATASI LAMBAKAN HASIL, BH -ONLINE PASAR SEGAR TERKAWAL DI ZON MERAH, KUNING, NEWS, SELANGOR KINI -18 BERTUKAR KEPADA PEMASARAN ONLINE PRODUK TANI, THE MALAYSIAN INSIGHT -ONLINE POLISAS TERIMA 300KG SAYUR, BUAH, BH -ONLINE POLISAS TERIMA 300KG SAYUR, BUAH, HM -ONLINE SARAWAK SPENDS RM90,000 TO BUY AGRICULTURAL PRODUCE TO SOLVE VEGETABLE DUMPING, HEAD TOPIC -ONLINE RM2.3 MILLION SET ASIDE FOR S'WAK FARMERS, FISHERMEN, BORNEO POST -ONLINE RM96,300 SPENT ON BUYING PRODUCE FROM FARMERS, FISHERMEN, NEW SARAWAK TRIBUNE -ONLINE SARAWAK SPENDS RM90,000 TO BUY AGRICULTURAL PRODUCE TO SOLVE VEGETABLES DUMPING, BERNAMA -ONLINE SABAH VEGGIES FOR KL MARKET SOON, DAILY EKSPRESS (KK) -ONLINE SABAH TO EXPORT HIGHLAND VEGETABLES TO KL, THE STAR -ONLINE RM2.3 MILLION TO HELP FARMERS, FISHERMEN IN MARKETING, BORNEO POST (KK) -ONLINE SABAH VEGGIES FOR KL MARKET SOON, DAILY EKSPRESS -ONLINE SABAH TO EXPORT HIGHLAND VEGETABLES TO KL, THE STAR -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
20.	BOUNTIFUL RM30,000 WORTH OF ANIMAL FEED FOR ZOO NEGARA, NEWS, THE STAR -4	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
21. 22.	JANGAN PANIK, BEKALAN MAKANAN MENCUKUPI WALAUPUN PKP DILANJUTKAN, MEMERANGI WABAK COVID-19, SH -13 WE NEED A FOOD SECURITY BODY, VIEWS, THE STAR -13	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Bekalan makanan, hasil tani cukup		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	15 Apr 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	8	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	83 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 817
Frequency	Weekly	PR Value	RM 2,452



Bekalan makanan, hasil tani cukup

MELAKA – Rakyat tidak perlu kluatir bekalan makanan dan hasil pertanian, kerana ia dijamin mencukupi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah.

Katanya, kerajaan melaksanakan pelbagai usaha memastikan rantaian pemasaran bekalan makanan dan hasil pertanian negara tidak terputus dengan memastikan lori dapat menghantar barangan tersebut, pada masa ditetapkan.

“Kita mendapat kerjasama penguat kuasa, khususnya yang terlibat dalam sekatan jalan raya sepanjang PKP, untuk memberi laluan mudah pada lori penghantaran bekalan makanan, supaya bekalan ada di pasaran.

“Justeru tidak perlu bimbang dengan membuat pembelian panik atau membuat stok makanan di rumah,” katanya pada 3 April lalu. – BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2020	HARIAN METRO	LOKAL	13



PENUNTUT Polis menerima sumbangan 300kg buah dan sayur daripada Fama Pahang.

Polis terima **300kg** buah, sayur

Kuantan: Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (Polis) Semambu, Kuantan menerima 300 kilogram (kg) pelbagai buah dan sayur disumbangkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) Pahang, Ahad lalu.

Pengarah Polis Mohammad Isa Azhari berkata, hasil pertanian segar itu diserahkan kepada pengusaha cafe yang bertanggungjawab menyediakan hidangan kepada 125 penuntut yang kini tinggal di asrama.

Menurutnya, sebahagian buah dan sayur sumbangan Fama Pahang bernilai ki-

ra-kira RM1,500 itu turut diagihkan kepada kakitangan serta felo yang tinggal dalam kawasan kampus bagi meringankan beban mereka berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan wabak Covid-19.

Katanya, sebelum ini pihaknya turut menerima pelbagai sumbangan daripada Ahli Parlimen Indera Mahkota, syarikat swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) khusus untuk penuntut yang tidak berpeluang pulang ke kampung.

“Bantuan yang diterima memberi lebih keselesaan

kepada penuntut yang kini terpaksa berada di asrama dalam tempoh panjang berikutan PKP sejak 18 Mac lalu. Pelbagai makanan seperti biskut, bubur nasi, roti dan susu diterima penuntut.

“Saya bagi pihak Polis mengucapkan terima kasih kepada penyumbang yang prihatin dengan kesulitan dihadapi penuntut yang berada di asrama termasuk 131 lagi di rumah sewa,” katanya.

Beliau berkata, pihaknya kini menyediakan kemudahan makanan tiga kali sehari kepada penuntut.



14 APR, 2020

Peruntukan RM2.3 juta bantu petani, nelayan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Peruntukan RM2.3 juta bantu petani, nelayan

SHEILA ZAIDI

KUCHING: Kerajaan Sarawak memperuntukkan sejumlah RM2.3 juta untuk membantu petani dan nelayan menyelesaikan masalah lambakan hasil pertanian dan tangkapan ikan di pasaran bagi memastikan sumber pendapatan mereka tidak terjejas.

Menteri Muda Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah, Datuk Dr. Abdul Rahman Ismail berkata, daripada jumlah tersebut, RM1.7 juta diperuntukkan kepada golongan petani.

"Kerajaan melalui Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED), dengan kerjasama Jabatan Pertanian Sarawak (DOA Sarawak), 28 Pertubuhan Peladang

Kawasan (PPK) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membeli lambakan hasil ladang yang tidak dapat dijual secara borong dan menjualnya kembali di pasaran.

"Ini dilakukan bertujuan untuk memastikan kesinambungan rantaian bekalan makanan di Sarawak," katanya kepada pemberita dalam satu kenyataan semalam.

Menurut Rahman, PPK juga akan memainkan peranan proaktif sebagai pemborong dalam mengimbangi pasaran bekalan dan permintaan di antara Bahagian.

Katanya, usaha ini juga akan memastikan ekosistem bekalan dan permintaan makanan akan sentiasa berada dalam keadaan yang seimbang.

Setakat 11 April, sejumlah 39 tan hasil pertanian

yang terdiri daripada buah-buahan dan sayur-sayuran dedaun dan buah dibeli dari lebih daripada 30 petani dengan nilai yang mencecah RM90,000.

Tambahnya, PPK bersama FAMA menjalinkan kerjasama melalui program 'Jualan Terus Dari Ladang' yang akan bermula hari ini (14 April) di Kompleks Islam Sarawak, Miri, dan melibatkan PPK Subis dan FAMA Miri.

Kerajaan Sarawak juga katanya, dalam perancangan untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak swasta bagi tujuan pemasaran atas talian dan penghantaran ke isi rumah.

Sementara itu, dari sudut pengeluaran, Kerajaan Sarawak akan terus menggalakkan para petani untuk meneruskan aktiviti penanaman melalui pelbagai skim

yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan bagi memastikan kesinambungan rantaian bekalan makanan, ujarnya.

Inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan ini adalah untuk memastikan bahawa setiap peringkat aktiviti rantaian bekalan akan dijamin berterusan, dari pengeluaran sehingga kepada pembelian oleh para pengguna, kata Rahman.

"Kerajaan melalui MANRED, dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Peratuan Nelayan Kawasan (PNK), memperuntukkan sejumlah RM600,000 untuk melaksanakan program pembelian hasil tangkapan ikan dari para nelayan.

"Pihak PNK akan memainkan peranan sebagai pemborong hasil tangkapan dan terlibat dalam akti-

viti pemasaran melalui penghantaran pesanan barang dalam talian dan penjualan secara borong menggunakan lori bergerak," katanya.

Setakat 12 April, sejumlah 485 kilogram hasil tangkapan bernilai RM6,300 dibeli dari para nelayan dari lima PNK di Sarawak, jelas Rahman.



DATUK DR. ABDUL RAHMAN ISMAIL



14 APR, 2020

Peruntukan RM2.3 juta bantu petani, nelayan

Utusan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Kerajaan Sarawak memperuntukkan sejumlah RM2.3 juta untuk membantu petani dan nelayan menyelesaikan masalah lambakan hasil pertanian dan tangkapan ikan di pasaran bagi memastikan sumber pendapatan mereka tidak terjejas. Menteri Muda Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah, Datuk Dr. Abdul Rahman Ismail berkata, daripada jumlah tersebut, RM1.7 juta diperuntukkan kepada golongan petani.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Kerajaan Sarawak bantu atasi isu lambakan hasil pertanian, perikanan



KUCHING: Kerajaan Sarawak memperuntukkan sejumlah RM2.3 juta bagi membantu para petani dan nelayan untuk menyelesaikan masalah lambakan hasil pertanian dan tangkapan ikan di pasaran dan hilang punca pendapatan.

Menurut Menteri Muda Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Datuk Dr. Abdul Rahman Ismail (*gambar*) dalam satu kenyataannya hari ini, sejumlah RM1.7 juta diperuntukkan untuk tujuan tersebut kepada golongan petani di seluruh negeri.

"Kesemua hasil lambakan yang tidak dapat dijual akan dibeli oleh Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED), dengan kerjasama Jabatan Pertanian Sarawak (DOA Sarawak), 28 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) .

"Ini bertujuan untuk memastikan kesinambungan rantaian bekalan makanan di Sarawak. Selain, PPK juga akan memainkan peranan proaktif sebagai pemborong dalam mengimbangi pasaran bekalan dan permintaan di antara Bahagian," katanya menerusi satu kenyataan, hari ini.

Tegas beliau dengan itu, ia akan memastikan ekosistem bekalan dan permintaan makanan akan sentiasa berada dalam keadaan yang seimbang.

Sehingga 11 April, sejumlah 39 tan hasil pertanian yang terdiri daripada buah-buahan dan sayur-sayuran dedaun dan buah dibeli dari lebih daripada 30 orang petani dengan nilai yang mencecah RM90,000.

Jelasnya lagi, PPK bersama FAMA menjalinkan kerjasama melalui program 'Jualan Terus Dari Ladang' yang akan bermula esok (14 April) di Kompleks Islam Sarawak, Miri, dan melibatkan PPK Subis dan FAMA Miri.

"Kerajaan Sarawak juga dalam perancangan untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak swasta bagi tujuan pemasaran atas talian dan penghantaran ke isi rumah.

"Dari sudut pengeluaran, kerajaan negeri akan terus menggalakkan para petani untuk meneruskan aktiviti penanaman melalui pelbagai skim yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi kerajaan bagi memastikan kesinambungan rantaian bekalan makanan.

"Inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Sarawak ini adalah untuk memastikan bahawa setiap peringkat aktiviti rantaian bekalan akan dijamin berterusan, dari pengeluaran sehingga kepada pembelian oleh para pengguna," katanya.

Kerajaan Sarawak melalui MANRED, dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK), memperuntukkan sejumlah RM600,000 untuk melaksanakan program pembelian hasil tangkapan ikan dari para nelayan.

Pada masa yang sama berupaya membantu dalam memasarkan hasil tangkapan tersebut.

Pihak PNK akan memainkan peranan sebagai pemborong hasil tangkapan dan terlibat dalam aktiviti pemasaran melalui penghantaran pesanan barang dalam talian dan penjualan secara borong menggunakan lori bergerak.

Setakat 12 April, sejumlah 485 kilogram hasil tangkapan bernilai RM6,300 dibeli dari para nelayan dari lima PNK di Sarawak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2020	TV SARAWAK	ONLINE	

JUALAN TERUS DARI LADANG BANTU KURANGKAN LAMBAKAN HASIL PERTANIAN



KUCHING: Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah menjalinkan kerjasama melalui program 'Jualan Terus Dari Ladang'.

Menteri Muda Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah, Datuk Dr Abdul Rahman Ismail berkata, ini adalah untuk memastikan bahawa setiap peringkat aktiviti rantai bekalan akan dijamin berterusan, dari pengeluaran sehingga kepada pembelian oleh para pengguna.

"Inisiatif ini melibatkan pembelian lambakan hasil pertanian oleh PPK, manakala FAMA akan menyediakan kemudahan pemasaran di kawasan yang strategik untuk tujuan pemasaran hasil pertanian kepada orang awam dan pemborong."

"Inisiatif ini juga menyediakan ruang untuk menghubungkan para petani dengan pemborong," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Program 'Jualan Terus Dari Ladang' yang pertama dijadualkan bermula pada 14 April 2020 di Kompleks Islam Sarawak, Miri, dan melibatkan PPK Subis dan FAMA Miri.

Selain itu jelasnya, kerajaan negeri melalui Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat & Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED), dengan kerjasama Jabatan Pertanian Sarawak (DOA Sarawak), 28 PPK dan FAMA akan membeli lambakan hasil ladang yang tidak dapat dijual secara borong dan menjual kembali di pasaran.

"Setakat 11 April 2020, sejumlah 39 tan hasil pertanian yang terdiri daripada buah-buahan dan sayur-sayuran dedaun dan buah telah dibeli dari lebih daripada 30 orang petani dengan nilai yang mencecah RM90,000."

Dalam pada itu juga, kerajaan negeri dalam perancangan untuk menjalinkan kerjasama dengan pihak swasta bagi tujuan pemasaran atas talian dan penghantaran ke isi rumah.

"Dalam kerjasama ini, kerajaan Sarawak akan bertindak sebagai pemudahcara, manakala PPK akan membekalkan hasil pertanian kepada pihak swasta untuk dipasarkan secara atas talian, di mana pihak swasta tersebut akan menjalankan aktiviti pemasaran, termasuk penghantaran barangan yang ditempah atas talian," katanya lagi.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

Sarawak bantu petani, nelayan atasi lambakan hasil



KUCHING: Kerajaan negeri memperuntukkan RM2.3 juta bagi membantu petani dan nelayan menyelesaikan lambakan hasil pertanian dan perikanan, sekali gus memastikan sumber pendapatan golongan itu tidak terjejas kesan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Menteri Muda Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah, Datuk Dr Abdul Rahman Ismail, berkata daripada jumlah itu, petani menerima bantuan sebanyak RM1.7 juta.

"Di bawah program ini, Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Sarawak (MANRED), dengan kerjasama Jabatan Pertanian Sarawak (DOA Sarawak), 28 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan membeli lambakan hasil

ladang yang tidak dapat dijual secara borong.

"Ini bertujuan untuk memastikan kesinambungan rantaian bekalan makanan di Sarawak. PPK memainkan peranan proaktif sebagai pemborong dalam mengimbangi pasaran bekalan dan permintaan di antara bahagian," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, setakat 11 April lalu, sejumlah 39 tan hasil pertanian merangkumi buah-buahan dan sayur-sayuran dedaun dibeli dari lebih 30 petani dengan nilai mencecah RM90,000.

Beliau berkata, maklum balas dari petani dengan pelaksanaan program itu juga sangat memberangsangkan.

Katanya, inisiatif itu juga menyediakan ruang untuk menghubungkan petani dengan pemborong dengan Program Jualan Terus Dari Ladang yang pertama dijadualkan bermula pada 14 April ini di Kompleks Islam Sarawak, Miri.

Bagi nelayan pula, katanya Kerajaan Sarawak melalui MANRED, dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK), memperuntukkan sejumlah RM600,000 untuk melaksanakan program pembelian hasil tangkapan ikan.

"PNK akan memainkan peranan sebagai pemborong dan terbabit dalam aktiviti pemasaran melalui penghantaran pesanan barang dari dalam talian dan penjualan secara borong menggunakan lori bergerak.

"Setakat 12 April lalu, sejumlah 485 kilogram hasil tangkapan bernilai RM6,300 dibeli dari lima PNK di Sarawak," katanya.

Headline	Pasar segar terkawal di zon merah, kuning		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	15 Apr 2020	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	18	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	378 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,708
Frequency	Weekly	PR Value	RM 11,124



Tunggu kelulusan PBT, MKN Negeri

Pasar segar terkawal di zon merah, kuning

KUALA LUMPUR - Sebanyak 21 pusat Pasar Segar Terkawal (PST) yang dirancang masih dalam proses kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) negeri untuk beroperasi berikutan lokasi itu terletak dalam zon merah dan zon kuning jangkitan wabak Covid-19.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Ahmad Hamzah berkata daripada keseluruhan 97 pusat PST yang mahu dibuka, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) diperuntukkan 63 lokasi di seluruh negara melibatkan 10 pasar tani terpilih, 33 pasar tani kekal, 17 pusat operasi Fama dan tiga cawangan MyFarm.

Katanya, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) pula menyediakan 34 Kompleks Pertubuhan Peladang Kawasan (KPPK) untuk tujuan yang sama.

"Sehingga 6 April, 42 tempat Fama di seluruh Malaysia beroperasi iaitu 17 Pusat Operasi Fama, 21 Pasar Tani Kekal, tiga MyFarm Outlet dan satu lokasi Pasar Tani Terpilih. Baki 21 outlet PST dalam proses kelulusan PBT dan MKN Negeri," katanya dalam satu kenyataan pada 7 April lalu.

Terdahulu beliau mengadakan lawatan kerja ke pusat operasi Fama di Batu 13, Jalan Klang Puchong yang turut dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan Fama Datuk Abdul Ghariff Ramin, Timbalan Ketua Pengarah Operasi Fama Mohd



Orang ramai mematuhi penjarakan sosial satu meter ketika membeli barangan keperluan harian di Pasar Kajang pada 19 Mac 2020

Anis Yasin dan Pengarah Komunikasi Korporat Fama Mohd Anzara Azizan.

Katanya, petani yang mempunyai masalah untuk memasarkan hasil pertanian mereka boleh menghubungi pusat operasi FAMA di 17 lokasi di seluruh negara.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam satu kenyataan baru-baru ini memaklumkan sebanyak 97 pusat PST akan beroperasi di seluruh negara, secara berperingkat-peringkat sehingga 14 April ini, bagi memastikan kelangsungan bekalan dan mempercepat pengedaran makanan negara.

PST adalah gerai peruncitan Fama dan LPP, seperti pasar tani yang dinamakan semula.

Ahmad berkata dalam pematuan pencegahan wabak Covid-19 di 97 pusat PST, jarak sosial antara gerai berniaga dilakukan dan pintu masuk dan keluar akan dikawal oleh polis dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Kempen kesedaran mengenai 12 Langkah Pencegahan wabak Covid-19 untuk pengunjung dan usahawan juga diperbanyakkan dengan adanya bahan infografik mengenai perkara itu di cawangan terpilih," katanya. - BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2020	THE MALAYSIAN INSIGHT	ONLINE	

Bertukar kepada pemasaran online produk tani

PENULARAN wabak Covid-19 dan arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan sedikit gangguan keatas pengedaran rantai bekalan makanan negara. Baru-baru ini dilaporkan sayur-sayuran di Cameron Highlands rosak kerana tidak sempat dipasarkan.

Seramai 2,300 pekebun sayuran di Cameron Highlands dilapor mengeluarkan 800 tan metrik atau 800,000 kilogram sayur-sayuran sehari, namun berikutan PKP hanya 30% mampu dijual di pasaran. Ini menyebabkan anggaran kerugian yang dihadapi petani sebanyak RM1 juta sehari.

Amalan kebanyakan petani kita sekarang ini adalah dengan menjual hasil keluaran mereka kepada orang tengah atau di pasar segar seperti pasar tani.

Bagaimanapun, dengan operasi terhad saluran pemasaran ini ketika PKP, petani perlu memilih saluran pemasaran alternatif seperti pemasaran dalam talian bagi menjamin pengeluaran mereka dapat dipasarkan dan pendapatan mereka tidak terjejas.

Daripada segi ketersediaan, sehingga kini terdapat 28.7 juta pengguna Internet di kalangan rakyat Malaysia. Ini membolehkan transaksi dalam talian yang lebih mudah diguna pakai oleh petani bagi memasarkan produk mereka.

Selain itu, usaha kerajaan melalui Pakej Ransangan Ekonomi Prihatin, yang menyediakan perkhidmatan Internet percuma 1GB kepada pengguna sepanjang tempoh PKP, membolehkan pemasaran dalam talian oleh petani kepada pengguna daripada pelbagai golongan lebih mudah untuk dilaksanakan dan mempunyai peluang lebih tinggi.

Peluang ini perlu dimanfaatkan oleh petani bagi memastikan hasil jualan mereka tidak terjejas dalam tempoh PKP ini dan menjadi amalan terbaik pada masa akan datang.

Aplikasi Agrobazaar Online oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) perlu dimanfaatkan oleh petani dan semua peserta rantai bekalan makanan.

Tempoh PKP ini dijangka dapat merealisasikan segala usaha berterusan pihak kerajaan selama ini berkaitan penggunaan pemasaran atas talian bagi bekalan makanan atau barangan segar yang agak kurang digunapakai secara meluas sebelum ini oleh usahawan tani.

Pemasaran dalam talian bekalan makanan ini mungkin akan jadi kebiasaan baharu yang diterima pakai oleh petani dan pemasar walaupun selepas PKP.

Usaha yang ditunjukkan oleh Lazada sebagai salah sebuah portal jual beli dalam talian yang terkemuka di negara ini yang bekerjasama dengan petani dari Cameron Highlands untuk memasarkan sayuran segar secara terus kepada pembeli dilihat sebagai pemangkin kepada pemasaran atas talian dengan lebih meluas selepas ini.

Bagaimanapun, sifat produk barangan segar yang mudah rosak menyebabkan agak sukar bagi usahawan tani menjual produk mereka ke pasaran lebih luas seperti menggunakan perkhidmatan pos.

Bagi barangan mudah rosak, ia selalu dikaitkan dengan keperluan infrastruktur penyimpanan dan penghantaran (penyejukan) yang baik untuk memastikan barangan sampai kepada pengguna dalam keadaan segar. Perkara ini memerlukan pelaburan yang banyak.

Selain itu, hasil pengeluaran pertanian selalu dikaitkan dengan kualiti atau rupa yang tidak seragam menyebabkan pengguna selalunya teragak untuk melakukan pembelian atas talian. Ini selari dengan sikap pengguna yang lebih suka memilih atau melihat sendiri barangan segar yang ingin dibeli.

Bagi menyelesaikan isu berkaitan keperluan logistik dan penghantaran, petani atau pemasar boleh bekerjasama dengan syarikat penyedia khidmat penghantaran yang efisien serta mempunyai kenderaan yang bersesuaian untuk memastikan kepuasan pengguna merupakan cadangan yang baik dari perspektif ekonomi dan operasi.

Model pemasaran atas talian yang diperkenalkan bagi hidangan masakan menggunakan syarikat seperti Grabfood, Foodpanda dan sebagainya ini telah menunjukkan kejayaan yang baik di negara ini.

Persatuan Usahawan Internet Malaysia dilaporkan turut memperkenalkan model bisnes baharu bagi jualan bahan mentah termasuk sayur-sayuran yang dibeli secara pukal dari petani atau pembekal. Mereka kemudian memasarkan barangan tersebut melalui kaedah pemasaran dalam talian dengan sebuah syarikat di bawah persatuan tersebut bertindak menyediakan keperluan logistik.

Ini antara usaha yang turut dilihat dapat memastikan akses, penggunaan dan kestabilan makanan kepada pengguna akan berterusan walaupun dalam keadaan PKP seperti sekarang.

Usahawan tani juga perlu melakukan aktiviti nilai tambah untuk hasil keluaran mereka seperti penggredan yang dapat memastikan kualiti yang seragam dan pembungkusan yang dapat menarik minat pengguna untuk membeli. Aktiviti seperti ini dapat membantu usahawan tani mengawal serta memastikan harga jualan yang lebih tinggi bagi produk mereka.

Aktiviti jual beli dalam talian oleh usahawan tani juga boleh dijalankan menggunakan medium media sosial. Pemasaran dalam talian menggunakan kemudahan media sosial tidak melibatkan kos yang tinggi serta kepakaran pengendalian yang membolehkan usahawan tani berkomunikasi dan menjalankan transaksi jual beli dengan pelanggan mereka secara terus dengan lebih mudah, cepat dan berkesan dalam tempoh PKP ini.

Situasi negara sekarang yang membataskan pergerakan dan perjalanan rantaian bekalan makanan bagi barangan segar memerlukan petani dan pemasar mengambil iktibar yang sepatutnya dalam memastikan hasil tuaian dapat dijual.

Mereka tidak boleh terlalu bergantung kepada saluran pemasaran yang memudahkan atau menyenangkan mereka pada sesuatu masa, perlu ada beberapa saluran pilihan yang berlainan seperti pemasaran dalam talian ini yang boleh dipraktikkan.

- 14 April, 2020.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2020	BERITA HARIAN	ONLINE	

POLISAS terima 300kg sayur, buah



KUANTAN: Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) Semambu, di sini menerima 300 kilogram (kg) pelbagai jenis buah dan sayur disumbangkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang, kelmarin.

Pengarah POLISAS, Mohamad Isa Azhari, berkata hasil pertanian segar itu diserahkan kepada pengusaha kafe yang bertanggungjawab menyediakan hidangan kepada 125 penuntut yang tinggal di asrama.

Menurutnya, sebahagian buah dan sayur bernilai kira-kira RM1,500 itu turut diagihkan kepada kakitangan serta felo yang tinggal dalam kawasan kampus bagi meringankan beban berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Katanya, sebelum ini pihaknya turut menerima pelbagai sumbangan daripada Ahli Parlimen, syarikat swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) khusus untuk penuntut yang tidak boleh pulang ke kampung.

"Bantuan yang diterima memberi lebih keselesaan kepada penuntut yang kini terpaksa berada di asrama dalam tempuh panjang.

"Saya bagi pihak POLISAS mengucapkan terima kasih kepada penyumbang yang prihatin dengan kesulitan dihadapi penuntut yang berada di asrama termasuk 131 lagi di rumah sewa," katanya.

Beliau berkata, pihaknya menyediakan makanan tiga kali sehari kepada penuntut dengan kebanyakan berpuas hati walaupun sebelum ini kelihatan kurang selesa.

Mohamad Isa berkata, pihaknya sentiasa memantau perkembangan penuntut yang berada di asrama dan rumah sewa bagi memastikan mereka tidak terlalu tertekan berikutan PKP yang panjang.

"Saya menasihatkan ibu bapa supaya tidak terlalu bimbang mengenai anak mereka kerana kebajikan penuntut sentiasa diberi keutamaan, pelbagai kemudahan diberikan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2020	HARIAN METRO	ONLINE	

POLISAS terima 300 Kg sayur, buah



PENUNTUT POLISAS Semambu menerima sumbangan buah dan sayur daripada FAMA Pahang. FOTO Mohd Rafi Mamat
Mohd Rafi Mamat
am@hmetro.com.my

POLITEKNIK Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS) Semambu, Kuantan menerima 300 kilogram (kg) pelbagai buah dan sayur disumbangkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang, kelmarin.

Pengarah POLISAS Mohamad Isa Azhari berkata, hasil pertanian segar itu diserahkan kepada pengusaha cafe yang bertanggungjawab menyediakan hidangan kepada 125 penuntut yang kini tinggal di asrama.

Menurutnya, sebahagian buah dan sayur sumbangan FAMA Pahang bernilai kira-kira RM1,500 itu turut diagihkan kepada kakitangan serta felo yang tinggal dalam kawasan kampus bagi meringankan beban mereka berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) disebabkan wabak Covid-19.

Katanya, sebelum ini pihaknya turut menerima pelbagai sumbangan daripada Ahli Parlimen Indera Mahkota, syarikat swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) khusus untuk penuntut yang tidak berpeluang pulang ke kampung.

"Bantuan yang diterima memberi lebih keselesaan kepada penuntut yang kini terpaksa berada di asrama dalam tempuh panjang berikutan PKP sejak 18 Mac lalu. Pelbagai makanan seperti biskut, bubur nasi, roti dan susuditerima penuntut.

"Saya bagi pihak POLISAS mengucapkan terima kasih kepada penyumbang yang prihatin dengan kesulitan dihadapi penuntut yang berada di asrama termasuk 131 lagi di rumah sewa," katanya.

Beliau berkata, pihaknya kini menyediakan kemudahan makanan tiga kali sehari kepada penuntut.

Mohamad Isa berkata, pihaknya sentiasa memantau perkembangan penuntut yang berada di asrama dan rumah sewa bagi memastikan mereka tidak terlalu tertekan berikutan PKP yang panjang dan mereka tidak pulang ke kampung berjumpa keluarga.

"Saya menasihatkan kepada ibu bapa supaya tidak terlalu bimbang tentang anak mereka kerana kebajikan penuntut sentiasa diberi keutamaan, pelbagai kemudahan diberikan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2020	HEAD TOPIC	ONLINE	

Sarawak spends RM90,000 to buy agricultural produce to solve vegetable dumping



Sarawak spends RM90,000 to buy agricultural produce to solve vegetable dumping

CORONAVIRUS | The amount is part of a special RM2.3 million special allocation of assist farmers and fishermen during the MCO period.

CORONAVIRUS| The Sarawak government has spent RM90,000 to buy 39 tonnes of agricultural produce including fruits and vegetables from 30 farmers to solve the problem of vegetable dumping in the state, as of April 11. State Agriculture, Native Land and Regional Development Assistant Minister Abdul

Rahman Ismail said the amount was part of the RM2.3 million special assistance allocation for farmers and fishermen during the movement control order (MCO).

"The ministry, in collaboration with the Sarawak Agriculture Department, 28 Area Farmers' Associations and the Federal Agricultural Marketing Authority (Fama), will purchase the rest of the farm produce for sale to consumers," he said in a statement here, today.

He said to ensure the continuity of the food supply chain in Sarawak, the farmers' associations played a proactive role as wholesalers in balancing the market supply and demand in the state. "The farmers' associations in collaboration with Fama also organised a strategic 'Direct Sales From the Farm' programme for the purpose of marketing agricultural products to the public and wholesalers," he said.

Abdul Rahman said the Sarawak government was also planning to work with the farmers' associations and the private sector to start online marketing and home delivery. For fishermen, he said the state government had allocated RM600,000 to implement the purchase programme for fishing catches, thereby assisting in marketing the catches of fishermen.

- Bernama Keep up with the latest information on the outbreak in the country with

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
15/4/2020	BORNEO POST ONLINE	ONLINE	

RM2.3 million set aside for S'wak farmers, fishermen



Datuk Dr Abdul Rahman Ismail

KUCHING: The Sarawak government has set aside RM2.3 million slated for assisting the farmers and the fishermen in addressing some marketing issues, and also for ensuring constant flow of incomes.

Breaking it down, Assistant Minister of Agriculture Native Land and Regional Development Datuk Dr Abdul Rahman Ismail says for the farmers' group, a total of RM1.7 million has been allocated for this specific purpose.

"Under the special programme, the state government – through the Ministry of Agriculture Native Land and Regional Development, in collaboration with the Department of Agriculture Sarawak, Federal Agriculture Marketing Authority (Fama) and the 28 Area Farmers Organisations (AFOs) – is buying back excess produce from farmers who could not sell them to the market," he said in a statement yesterday.

Dr Abdul Rahman said the key role of AFOs and Fama was to become the wholesalers and suppliers of excess farm produce to the market.

"AFOs have also been proactive in playing out their role in sorting out supply-demand issues between divisions.

"For example, when there was a shortage of farm produce in Bintulu recently, AFOs based in Sarikei and Miri were quick to link with Bintulu and supply the excess farm produce to Bintulu.

"This would create a chain reaction for nearby divisions, which is vital in ensuring that the food supply-demand ecosystem is kept in balance."

As at April 11 this year, 39 tonnes of fruits and vegetables worth RM90,000 had been bought from more than 30 farmers across Sarawak, said Dr Abdul Rahman, adding that the feedback from the farmers and wholesalers regarding this implementation had been positive.

Moreover, he said another initiative under the programme would be the 'Jualan Terus Dari Ladang' (Sales Straight From The Farm) – a collaboration between Fama and the AFOs, set to kick off today (April 14) at Sarawak Islamic Complex in Miri.

"This initiative involves buyback of various fruits and vegetables by the AFOs, with Fama providing the sales facilities at the predetermined strategic site to enable sales activities to the public and the wholesalers," he said, adding that this would also be a business-matching venue to link farmers with the wholesalers.

He also said the Sarawak government was looking to collaborate with the private sector in online marketing and home delivery.

